

15/10/2002

Penguasaan bahasa Inggeris martabatkan bangsa berilmu

Syed Anuar Syed Mohamad

TANPA disedari dua dekad berlalu. Tanpa dihitng 21 tahun, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melaksanakan tugas dan amanah sebagai Perdana Menteri. Beliau mampu membawa Malaysia ke persada dunia.

Hari ini, kita anak merdeka mampu berbangga dengan nikmat yang dikurniakan Allah melalui manusia serba boleh ini. Kalau dulu apa yang dirancangnya dianggap tidak relevan, tidak realistik tetapi akhirnya beliau menemui kejayaan. Bermula idea pembuatan Proton Saga hingga kepada pembinaan Putrajaya jelas terserlah perkiraan proaktif dan ketinggian akal hitungnya.

Di pentas dunia Dr Mahathir adalah pembela negara dunia ketiga dan pencetus idea sejagat yang diiktiraf oleh kepemimpinan dunia. Malah lebih hebat daripada itu, beliau adalah tempat rujukan dan perantara dengan pemimpin besar dunia, khususnya dalam menangani isu seperti Palestin, Bosnia, Afrika dan Antartika.

Kelangsungan idea bernasnya terhadap isu bahasa Inggeris melangkaui pemikiran kita yang terikat dengan slogan memartabatkan bahasa sendiri seolah-olah bahasa lain tidak boleh dikuasai, kononnya akan menghilangkan identiti bangsa.

Kita kadang-kadang terlalu diselubungi sindrom takut pada bayang-bayang, tidak yakin dengan kebolehan sendiri dan tidak proaktif dalam menilai sesuatu isu termasuk isu bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik yang hebat diperbincangkan.

Minda kita terus dijajah dengan sindrom sebegini yang akhirnya menyebabkan kita terus ketinggalan dalam arus pemodenan dunia tanpa sempadan.

Masih terngiang-ngiang di telinga ungkapan keramat Dr Mahathir pada malam Perhimpunan Terima Kasih Perdana Menteri di Stadium Putra, Bukit Jalil, Kuala Lumpur yang antaranya berbunyi "...identiti bangsa takkan hilang dengan penguasaan pelbagai bahasa. Bangsa yang maju dan cemerlang adalah bangsa yang mampu menguasai pelbagai bahasa. Amat mustahil untuk menterjemah pelbagai buku matematik dan sains dalam masa yang singkat tanpa penguasaan dalam bahasa Inggeris."

Jelas kepada kita sesungguhnya hasrat murni kerajaan bukanlah untuk menukarkan identiti bangsa tetapi ingin memartabatkan bangsa Malaysia dalam penguasaan pelbagai ilmu melalui bahasa Inggeris. Sebagaimana kata Perdana Menteri, usahlah kita menanggung di air keruh, mempolitikkan isu ini demi keuntungan ideologi politik sempit dan memualkan.

Mengimbas perhimpunan 10,000 pelbagai kaum dan bangsa pada malam itu, jelas membuktikan sesungguhnya generasi muda Malaysia perlukan kepada perubahan yang akhirnya akan menjamin masa depan mereka. Harapan mereka agar jangan digadaikan masa depan atas nama kepentingan politik, perlu diamati dan dihayati. Ini agar anak cucu tidak akan mendendami kita akibat kerakusan dalam membuat keputusan memperjudikan masa depan mereka.

Perhimpunan itu juga menandakan sokongan terhadap penggunaan bahasa Inggeris boleh dimanifestasikan sebagai lambang keutuhan dan keakraban perpaduan di antara kaum, yang perlu terus dieratkan agar bangsa Malaysia akan terus mendaki ke puncak kegemilangan dalam merealisasikan wawasan keramat - Wawasan 2020.

Pun begitu, dalam keghairahan membicarakan soal kepentingan bahasa Inggeris sebagai salah satu cabang ilmu terpenting, bukan bermakna kita sewenang-wenangnya boleh menodai kesucian bahasa Melayu yang diiktiraf

oleh Perlembagaan, sebagai bahasa rasmi negara.

Masih ada syarikat atau agensi yang tanpa segan silu memperkosa bahasa Kebangsaan dengan mencampuradukkannya dengan bahasa Inggeris, khususnya dalam pengucapan mahupun penulisan pada kain rentang.

Usahlah kita mengambil kesempatan penekanan bahasa Inggeris oleh kerajaan dengan menafikan hak bahasa Melayu sebagai bahasa utama negara.

Sesungguhnya marilah kita renungkan bersama pesanan Saidina Ali yang dipetik oleh Imam al Ghazali dalam Kitab Ihya Ulumuddin: "Jika kau ingin melihat generasi akan datang, lihatlah generasi hari ini."

Ia juga boleh dikaitkan dengan isu bahasa - jika hari ini generasi muda tidak mampu menguasai pelbagai bahasa, kita bimbang generasi akan datang adalah generasi yang terus terkebelakang. Marilah kita perkukuhkan tekad, perkuatkan semangat untuk terus mendokong dan merealisasikan hasrat murni Perdana Menteri tanpa was-was.

Tanpa sikap proaktif, persiapan rapi dan bersatu hati, kita akan menjadi generasi penonton kejayaan orang lain. Ingatlah, manusia yang gagal merancang sebenarnya adalah manusia yang sedang merancang untuk gagal.

Selama 21 tahun, Dr Mahathir melaksanakan pelbagai perancangan yang jelas terbukti berbekalkan perancangan rapi.

SYED ANUAR SYED MOHAMAD,

Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung.